

# REMAJA SEMAKIN HILANG HARGA DIRI?

oleh  
JAAFAR  
ABDUL RAHIM

J, remaja perempuan berusia 20 tahun, anak jiran saya yang menghilangkan diri dari rumah sejak 26 Oktober 2007. Hingga esei ini ditulis (3 Disember 2007), J masih belum pulang ke rumahnya. Pada 1 November 2007, ayahnya membuat laporan polis atas kehilangan J. Laporan tersebut adalah kali ke-10 yang dilakukannya. J mula menghilangkan diri daripada rumah sejak Januari 2007. J hilang, tetapi masih menghubungi ayah dan ibunya dan memberitahu bahawa dia tinggal bersama-sama kawan perempuannya.

Hakikatnya, bukan sahaja J tinggal bersama-sama rakannya, malah dia bergaul dengan remaja lelaki yang setahun atau dua tahun lebih tua daripadanya. J berfoya-foya dengan rakan remaja lelaki hingga jauh malam, terutamanya pada malam minggu. Yang menghairankan, mengapa J menjadi kupu-kupu malam sedangkan dia pelajar diploma di sebuah politeknik?

J memang bermasalah sejak berada di tingkatan tiga. Dia merokok dan berpelesiran dengan rakan lelaki sekolahnya. Perangainya terbawa-bawa sehingga belajar

di peringkat diploma.

Melalui perbualan telefon dengan ibu bapanya juga, diketahui bahawa J tidak betah berada di rumah. Dia berasa terkongkong oleh ibu bapanya. Perangainya yang sering balik lewat malam tidak disenangi oleh ibu bapanya. Oleh itu, J sering dileteri oleh J. Berasa rimas. Dia mencurahkan rasa ketidakpuasan hatinya akan ibu bapanya kepada rakan lelaki yang dua tahun lebih tua daripadanya.

Rakan J tersebut berketurunan India, merancang supaya J melarikan diri dari rumah. J ditumpangkan di rumah sepupu perempuannya. Di sana mereka sering berjumpa dan berpelesiran. Rakannya itu, AK (bukan nama sebenar) pula tidak bekerja dan sering memperalatkan rakan perempuannya untuk mendapatkan wang. Dengan tipu daya dan percakapannya yang lembut, AK berjaya menipu J tanpa disedari oleh J. Polis pula tidak dapat berbuat apa-apa terhadap tindakan J. Polis tidak boleh menangkap AK kerana tidak ada bukti bahawa dia yang melarikan J.

Begitulah kisah J. Satu daripada sekian banyak kisah remaja yang mulai dan semakin hilang harga dirinya. Kisah tersebut jelas menunjukkan bahawa J tidak mempunyai pemikiran yang positif, tiada matlamat hidup, suka bersuka ria dan berfoya-foya. J sering meminta duit untuk membeli pakaian, tetapi sebenarnya dia menggunakan duit untuk berfoya-foya dengan AK dan ramai rakan remaja lelaki lain.

Ada pendapat mengatakan bahawa remaja yang hilang harga diri adalah berkelulusan rendah, tetapi hakikatnya tidak begitu dalam kes J. Hal ini menunjukkan bahawa remaja yang berkelulusan tinggi juga berkemungkinan hilang harga diri. Dalam kes J, dia sanggup menanggukkan pengajian diplomasnya demi sikapnya yang suka berfoya-foya dan hedonistik (yang suka mencari keseronokan). Yang lebih buruk, J sanggup berkawan dengan remaja yang rendah akhlakannya dan kelulusan demi mencapai keinginannya.

Menurut pendapat yang lain pula, remaja seperti J ini dipengaruhi oleh persekitarannya yang buruk dan budaya popular. Umumnya kita dapat melihat remaja seperti J lebih ramai di kota. Akan tetapi, secara realitinya, di desa juga semakin ramai remaja yang kehilangan harga diri terutamanya yang bekerja di kilang. Hal ini menunjukkan bahawa remaja

seperti J semakin ramai, tidak kira sama ada di desa ataupun di kota.

Remaja yang kehilangan harga diri ialah remaja yang bersikap negatif, tidak memikirkan masa depan, rendah akhlakannya, lemah jiwanya dan mudah dipengaruhi oleh persekitaran yang negatif.

## Jadual: Alasan Lari Mengikut Jantina Responden

Alasan	Jantina (%)	
	Lelaki N = 63	Perempuan N = 152
Melawat kawan/saudara	31.7	20.4
Mengikuti teman lelaki/wanita	4.8	25.0
Mencari pekerjaan	17.5	13.8
Dimarahi/dipukul	17.5	16.4
Jemu di rumah	12.7	7.9
Lari saja-saja	15.9	13.2
Alasan lain	-	3.3

Tiada jawapan: 5  
Cramer's V = 0.27

Sumber: Abd. Hadji bin Zakaria, Jas Lailie Suzana bt. Jaafar (September 1994). *Kajian Orang Hilang di Semenanjung Malaysia. Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya.*



Remaja yang tidak berupaya mengawal emosi dengan baik mudah terdorong melakukan perbuatan yang negatif.



Faktor persekitaran tentunya menjadi salah satu sebab remaja semakin hilang harga diri. Walau bagaimanapun, faktor yang lebih penting adalah kerana kurangnya didikan agama terhadap remaja. Ataupun ada didikan agama tetapi sekadar dasarnya sahaja, tidak diikuti amalan yang sepatutnya dilakukan.

Ada pendapat mengatakan bahawa orang dewasa dan tua juga semakin hilang harga diri. Remaja hanya mencontohinya, yakni mengikut apa-apa sahaja yang dilakukan oleh idolanya termasuklah hal yang buruk. Hal ini ada juga benarnya. Remaja merupakan kelompok dalam masyarakatnya yang lebih besar.

Ada kemungkinan remaja meniru idolanya (sama usia) atau orang tua. Peniruan banyak dibicarakan oleh ahli psikologi remaja. Meskipun peniruan dalam kalangan remaja Islam sebentar sahaja, perbuatan itu menjadi semakin sukar jika tidak dibendung.

Contohnya, remaja "mat rempit". Jika perlakuan mereka tidak dibendung, maka mereka akan melakukan tindakan yang lebih ganas. Dalam pada itu, bolehkah kita menafikan bahawa orang dewasa dan tua tidak ganas? Bukankah ada orang tua yang merogol, merompak dan membunuh?

Begitulah kedudukan remaja yang hilang harga diri dalam hubungan dengan idolanya. Soalnya, adakah kita patut menyalahkan remaja ini sahaja? Atau kita mencari kambing hitam untuk dipersalahkan sedangkan kita hanya mencuri tangan?

Kajian dan perancangan yang bersungguh-sungguh terhadap remaja ini harus dilakukan. Kita janganlah cuma menghukum remaja. Sebaliknya kita harus mencari jalan mengadili mereka. Hal ini demikian kerana dengan adanya tindakan yang proaktif, kita dapat mencegah remaja daripada melakukan sesuatu perbuatan yang di luar kawalan emosi. Ibu bapa, misalnya, harus mengenal pasti dan menyediakan apa-apa keperluan atau perkara yang diinginkan anak, termasuklah keperluan emosi, perdampingan, pergaulan, kebebasan dan rekreasi. Hal ini termasuklah usaha mempertingkatkan mutu perhubungan dalam sesebuah keluarga.

Selain itu, masyarakat juga perlu mempunyai sikap prihatin akan remaja. Sikap keprihatinan masyarakat terhadap remaja yang bermasalah amat penting dalam usaha memimpin remaja mengawal perlakuan ke arah yang lebih positif. Setiap masyarakat yang melihat perlakuan negatif remaja perlu menegur dan menasihati mereka. Dengan kata lain, keprihatinan dan kawalan sosial yang semakin hilang dalam kalangan masyarakat, baik di kota mahupun di desa, perlu dikembalikan, bahkan disuburkan kembali.

Perasaan jiwa seperti ini menjauhkan diri seseorang daripada sikap egosentrik dan individualistik.

Remaja yang semakin hilang harga diri sebenarnya juga

ialah hak masyarakat. Mereka tidak harus dipinggirkan sama sekali. Mereka juga bukan sampah masyarakat. Mereka perlu dibelai, bukan melalui kemanjaan tetapi ketegasan.

Remaja dapat menjadi modal insan yang cemerlang jika jiwa mereka dibimbing dengan betul mengikut landasan akhlak dan agama. Bukan penjara yang diperlukan oleh remaja tetapi sentuhan jiwa daripada ibu bapa dan masyarakat yang prihatin dan penuh dengan kasih sayang.

Begitulah remaja yang semakin hilang harga diri dapat kita gilap sebagai remaja yang bermaruah sekiranya mempunyai cara yang betul untuk membimbing mereka. Insha-Allah bimbingan ikhlas ini dapat dilakukan bersama. ❁




Keprihatinan ibu bapa amat penting dalam membimbing anak ke arah perlakuan yang positif.

Jaafar Abdul Rahim, mantan Pegawai Perancang Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kini, beliau penulis bebas.


Oleh ASRULAFENDY SUKRI

**JUMLAH KANAK-KANAK DAN REMAJA HILANG MENGIKUT KATEGORI UMUR**



Kategori (Umur)	Jumlah
9 tahun ke bawah	34
10 hingga 13 tahun	66
14 hingga 17 tahun	659
<b>Jumlah</b>	<b>759</b>

**JUMLAH ORANG HILANG/JUMPA DI SELURUH MALAYSIA MENGIKUT JANTINA**



TAHUN	KESELURUHAN HILANG		JUMPA SEMULA		MASIH HILANG	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
2006 (Januari – Disember)	985	2263	523	1250	462	1013
2007 (Januari – April)	295	681	129	302	166	379
<b>JUMLAH</b>	<b>1,280</b>	<b>2,944</b>	<b>652</b>	<b>1,552</b>	<b>628</b>	<b>1,392</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>4,224</b>		<b>2,204</b>		<b>2,020</b>	

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM)